

Audit Latihan Industri (ALI) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)

Faculty of Computer Science and Information Technology
UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

TERRIN LIM, INDUSTRIAL TRAINING COORDINATOR
terrin@unimas.my

AUDIT LATIHAN INDUSTRI FSKTM

Industrial Training Briefing

21 September 2021

Microsoft Teams

Activity
Chat
Teams
Assignments
Calendar

Maya Asyikin bt Mohamad Aifif

Azlina binti Bunsu

Albert Lai (Guest)

Terrin Lim


MOHD NAZRI BIN SUIN

Faisal ALI Bin Anwarali Khan

Vincent (Karuna) (Guest)

Abby Sin Chiang Yong

+5 AB K MS AY V LH





21 September 2021- Audit Latihan Industri (ALI) bagi fakulti-fakulti UNIMAS yang terlibat telah bermula pada hari ini sehingga awal Oktober. Untuk makluman semua, audit ini bertujuan untuk mengaudit proses kerja dan prosedur yang terlibat sebelum, semasa dan setelah tamat latihan industri dilaksanakan serta kesesuaian agensi latihan industri dan latar belakang program pelajar juga diaudit. Trek baharu LI juga diaudit bagi melihat kesesuaian trek tersebut dengan program akademik yang ditawarkan.

Untuk hari ini, ALI telah bermula di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Ketua Panel Penilai untuk audit hari ini ialah Dr Maya Asyikin, Penyelaras [Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik](#). Dr Maya turut dibantu oleh Cik Azrina Bunsu daripada Pusat Kelestarian Universiti dan Cik Karen Audrey Samy, Ketua FQMC Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK). Pihak BJK berterima kasih kepada ketiga-tiga panel penilai di atas komen dan maklumbalas semasa audit dijalankan.

Pihak BJK juga merakamkan sekalung penghargaan kepada Encik Terrin Lim, Penyelaras Latihan Industri untuk [FCSIT Unimas](#) diatas pembentangan slaid. Timbalan Dekan ICE Ts Dr Sarah Flora Samson Juan, Timbalan Dekan Prasiswazah FSKTM Dr Irwandi Hipni dan Ketua FQMC FSKTM, Ts. Dr Suriati Khartini turut sama-sama hadir dalam audit hari ini.

Tidak lupa juga, ribuan terima kasih diucapkan kepada pelajar-pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) yang telah memberi kerjasama dalam sesi temubual bersama panel penilai. Ucapan penghargaan juga diberikan kepada wakil-wakil industri/agensi yang sudi meluangkan masa untuk terlibat dalam audit yang julung2 kali diadakan dan memberikan maklumbalas. Maklumbalas ini akan diambil kira bagi memperbaiki kualiti dan piawaian pengendalian latihan industri pada masa akan datang.